

UM 1 6 APR 2001

# PM mahu siri Piala Perdana dijadikan pertandingan berprestij

KUALA LUMPUR 15 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu **siri Piala Perdana** dijadikan pertandingan **berprestij** bagi sukan berkuda tempatan sehingga membolehkan Malaysia diiktiraf **sebagai pusat Sukan Equestrian rantau Asia Tenggara dan Asia.**

**Perdana** Menteri berkata, acara seperti itu **juga** merupakan **medan** terbaik bagi pelumba tempatan menimba pengalaman dan memperbaiki kemahiran mereka **untuk** kejohanan lebih besar.

"Malaysia perlu meletakkan **kedudukannya** dalam **peta** equestrian dunia. Malaysia **perlu cuba untuk** memimpin sukan **tersebut** di rantau **ini** dan bukan sekadar menjadi **penjikut.**

"**Kita mempunyai** peluang untuk **mengambil** kesempatan daripada **siri Piala Perdana** dan menjadikannya **pertandingan hebat sehingga meletakkan** Malaysia sebagai **pusat s&an equestrian di rantau ini,**" katanya.

**Perdana** Menteri berkata demikian dalam perutusan **pada** buku cenderamata **Piala Perdana Siri 2001** yang diedarkan sempena majlis penyampaian hadiah oleh beliau di Padang Polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resort di **sini** hari ini.

Acara grand **prix** iaitu kemuncak **per-**

tandingan selama **empat** hari bermula Khamis lalu menawarkan hadiah **RM-9,000** kepada juara.

**Pada** saingan akhir acara *show jumping* hari **ini**, Dr. Mahathir **turut** berpeluang menyaksikan kehebatan ekuin **adik-beradik** program Gemilang 2001 Quzier dan Qabil Ambak berjaya menduduki tempat pertama dan ketiga **pada** pertandingan itu.

Quzier dengan kuda Heros memenangi acara *show jumping* ketinggian 130 **sentimeter** itu dengan **catatan** 97.89 saat **tanpa** penalti.

Tempat kedua dimenangi Peter **Abisheganaden** yang membuat **catatan** 92.42 saat dan dikenakan **empat** penalti **manakala** Qabil mencatatkan 93.93 saat **juga dengan empat** penalti.

Pemenang tahun lalu, Eric Koh, **bagaimanapun** hanya menduduki tempat **keempat** setelah dikenakan **lapan** penalti dengan **catatan** 88.80 saat.

Ekuin berasal dari Jerman, Nina **Melkonian**, yang memenangi acara *show jumping* ketinggian 120 sentimeter **semalam**, sekadar mendapat tempat kelima **dengan** 96.27 saat dan dikenakan 12 penalti.